

Pengguna disaran simpan resit sebagai bukti elak ditipu

Pada 1 April lalu, negara melakar sejarah dalam sistem percukaian apabila melaksanakan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) bagi menggantikan Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) yang diguna pakai sejak sekian lama. Dengan pelaksanaan sistem percukaian baharu ini, kita mengikuti jejak langkah hampir 170 negara di dunia yang mengguna pakai sistem percukaian ini yang dilihat lebih efisien.

Walaupun pengenalan sistem percukaian ini sudah lama dibuat kerajaan iaitu sejak pembentangan Bajet 2014, hampir dua tahun lalu, masih ada segelintir peniaga yang tidak mengambil kisah untuk melaksanakan sis-

tem percukaian ini.

Lebih teruk lagi, sudah mula kedengaran aduan dari beberapa pengguna yang melaporkan mengenai tindakan tidak bertanggungjawab peniaga yang mengenakan kadar GST terhadap barangan serta perkhidmatan mereka walaupun perniagaan mereka tidak berdaftar.

Bimbang jadi mangsa penipuan

Tindakan tidak bertanggungjawab peniaga terbabit menyebabkan ramai pengguna berasa bimbang serta takut untuk berbelanja kerana khawati menjadi mangsa penipuan. Perlu diingat, mengikut Akta GST 2014, peniaga yang mempunyai amaun pem-

bekalan bercukai melebihi RM500,000 perlu mendaftar di bawah Akta GST 2014.

Kegagalan berbuat demikian adalah satu kesalahan di bawah Seksyen 184 Akta GST 2014 dan boleh didenda tidak melebihi RM30,000 atau dipenjarakan tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

Pengguna tidak perlu bimbang serta takut berbelanja kerana sejak pelaksanaan GST, kerajaan khususnya Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) serta Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) mengambil langkah proaktif bagi memastikan semua peniaga yang memenuhi syarat, berdaftar dengan pihak berkai-

tan bagi tujuan pelaksanaan GST.

Pemantauan tegas, berterusan
Pihak berkuasa terbabit juga dilihat melakukan proses pemantauan tegas serta berterusan bagi memastikan tiada pihak yang menyalahgunakan sistem GST untuk menipu pengguna serta mengaut keuntungan tidak sewajarnya. Pengguna memainkan peranan penting bagi memastikan tiada peniaga yang mengambil peluang di atas pelaksanaan GST.

Pengguna perlu menyimpan segala resit atau bil perbelanjaan untuk dijadikan rujukan serta bukti sekiranya ada beberapa perkara yang difikirkan meragu-

kan. Sekiranya ada, pengguna perlu mengemukakan laporan atau aduan kepada pihak berkaitan dengan membawa serta menunjukkan resit atau bil perbelanjaan sebagai bukti bagi tujuan pendakwaan.

Penyimpanan resit atau bil perbelanjaan juga perlu supaya pengguna yang ditipu dapat menuntut kembali wang perbelanjaan mereka daripada peniaga terbabit. Kebijaksanaan pengguna dalam berbelanja serta sikap menyimpan resit dan bil perbelanjaan penting bagi memastikan pelaksanaan GST berjalan lancar serta dapat memberi kesedaran kepada peniaga untuk mematuhi segala undang-undang serta peraturan berkaitan dan lebih bertanggungjawab.

Dr Muzaffar Syah Mallow,
Universiti Sains Islam Malaysia